

# BINA

BULETIN  
KEMENTERIAN  
KERJAYA

MEI-OGOS  
2018 | 02



## SELAMAT DATANG

**YB TUAN BARU BIAN**  
MENTERI KERJA RAYA

**YB TUAN HAJI  
MOHD ANUAR MOHD TAHIR**  
TIMBALAN MENTERI KERJA RAYA



# KANDUNGAN

## BERITA

- 3 Istiadat Pelantikan Menteri dan Timbalan Menteri Kerja Raya 2018
- 4 Majlis Sambutan Ketibaan Menteri dan Timbalan Menteri Kerja Raya Malaysia
- 5 Majlis Angkat Sumpah Ahli Dewan Rakyat
- 5 Istiadat Pembukaan Penggal Pertama Palimen Ke-14
- 6&7 Siri Lawatan Rasmi Menteri dan Timbalan Menteri Kerja Raya
  - Perjumpaan Bersama Warga Kerja Raya
  - Lawatan Rasmi Ke Ibu Pejabat Jabatan Kerja Raya (JKR)
  - Lawatan Rasmi Ke Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)
  - Lawatan Rasmi YB Menteri Kerja Raya Ke Lembah Lebuhraya Malaysia (LLM)
- 8 Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2017
- 8 Persidangan Pegawai Kanan (SOC) JKR Malaysia 2018
- 9 Penghargaan Pencapaian Qlassic 2018
- 9 Lawatan Tapak Projek Membina Jalan Baharu Lencongan Timur Alor Setar, Kedah (Fasa 2A)
- 12 Pembukaan Flyover Daripada Batu Maung Ke Jalan Sultan Azlan Shah, Pulau Pinang
- 12 Lawatan Kerja YB Menteri Kerja Raya Ke Hospital Lawas
- 13 Lawatan Kerja Tapak Cadangan Menaik Taraf Jalan Kebun, Shah Alam
- 13 Kunjungan Menteri Kerja Raya Ke JKR Sarawak

## BERITA

- 14 Seminar SICA 2018 Fokus Data Raya (*Big Data*) Industri Pembinaan
- 14 Seminar *On Road Asset Management And Disaster Risk Reduction*
- 15 Majlis Amanat Kontinjen ASC 2018
- 15 Timbalan Menteri Kerja Raya Melawat Peserta ASC 2018 Dan WSMB
- 16 Tinjauan Projek Naiktaraf FT05 Sekinchan
- 16 Lawatan Kerja Timbalan Menteri Kerja Raya Ke Terengganu
- 17 Lawatan Kerja Timbalan Menteri Kerja Raya Ke Temerloh
- 17 Lawatan Kerja Timbalan Menteri Kerja Raya Ke Perlis

## PATRIOTIK

- 10&11 Menyemarakkan Sambutan Bulan Kemerdekaan
  - Sambutan Bulan Kemerdekaan Dan Kibar Jalur Gemilang 2018 Peringkat Kementerian Kerja Raya
  - Edaran Jalur Gemilang Oleh PSKLM
  - Kempen Kibar Jalur Gemilang Dan Keselamatan Jalan Raya

## MEDIA SOSIAL

18

## AKHBAR

19





## ISTIADAT PELANTIKAN MENTERI DAN TIMBALAN MENTERI KERJA RAYA 2018

**K**UALA LUMPUR, 2 JULAI 2018: YB Tuan Baru Bian telah mengangkat sumpah sebagai Menteri Kerja Raya yang baharu dalam satu Majlis Istiadat Angkat Sumpah Jemaah Menteri dan Timbalan Menteri Persekutuan di hadapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Sultan Muhammad V di Istana Negara Kuala Lumpur.

Istiadat angkat sumpah ini turut disaksikan oleh Perdana Menteri YAB Tun Dr. Mahathir Mohamad dan Timbalan Perdana Menteri YAB Dato' Seri Wan Azizah Wan Ismail sekaligus melengkapkan senarai kabinet menteri dan timbalan menteri dibawah kerajaan pimpinan beliau.

YB Tuan Baru Bian Merupakan Ahli Parlimen Selangau dan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Ba' Kelalan serta merupakan Pengerusi Parti Keadilan Rakyat (PKR) Sarawak. Beliau merupakan pemegang Ijazah Undang- Undang (LL.B) di *Melbourne University, Australia*.

Turut mengangkat sumpah YB Tuan Haji Mohd Anuar Mohd Tahir yang menjawat jawatan Timbalan Menteri Kerja Raya. Beliau merupakan Ahli Parlimen Temerloh merangkap Setiausaha Agung Parti Amanah Negara.



# MAJLIS SAMBUTAN KETIBAAN MENTERI DAN **TIMBALAN** **MENTERI KERJA** **RAYA MALAYSIA**

**K**UALA LUMPUR, 3 JULAI 2018: Menteri Kerja Raya, YB Tuan Baru Bian dan Timbalan Menteri Kerja Raya, YB Tuan Haji Mohd Anuar Mohd Tahir memulakan tugas secara rasmi di Kementerian Kerja Raya Kuala Lumpur dan ketibaan mereka pada jam 9 pagi disambut oleh Ketua Setiausaha Kementerian, Dato' Sri Zohari Bin Haji Akob dan pegawai- pegawai kanan Kementerian dan agensi.

YB Menteri dan YB Timbalan Menteri dibawa ke pejabat masing- masing sebelum ke Bilik Tanjung, Kompleks Kerja Raya untuk sesi taklimat bersama pihak pengurusan atasan kementerian dan agensi.



Majlis diteruskan dengan sidang media sebelum diakhiri dengan Majlis Serah - Terima Tugas daripada Mantan Menteri Kerja Raya, YB Dato' Sri Fadillah Bin Haji Yusof kepada Menteri Kerja Raya YB Tuan Baru Bian.

YB Tuan Baru Bian dan YB Tuan Haji Mohd Anuar Mohd Tahir merupakan antara barisan kabinet Jemaah Menteri pimpinan Perdana Menteri YAB Tun Dr. Mahathir Mohamad yang mengangkat sumpah di hadapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pada 2 Julai 2018.





# MAJLIS ANGKAT SUMPAH AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT PARLIMEN KEEMPAT BELAS

ISNIN, 16 JULAI 2018 • PARLIMEN MALAYSIA



BERITA

## MAJLIS ANGKAT SUMPAH AHLI DEWAN RAKYAT

**K**UALA LUMPUR, 16 JULAI 2018: Menteri Kerja Raya YB Tuan Baru Bian dan Timbalan Menteri Kerja Raya YB Tuan Haji Mohd Anuar bin Mohd Tahir telah mengangkat sumpah sebagai Ahli Dewan Rakyat dalam satu Majlis Angkat Sumpah Ahli Dewan Rakyat di Bangunan Parlimen, Kuala Lumpur.

Majlis angkat sumpah ini merupakan simbolik permulaan kepada berlangsungnya Persidangan Penggal Pertama Parlimen ke-14 selepas Pilihanraya Umum ke-14 yang berlangsung pada Mei 2018.

YB Tuan Baru Bian merupakan Ahli Dewan Rakyat dari Parlimen Selangau, Sarawak manakala YB Tuan Haji Mohd Anuar Bin Mohd Tahir pula merupakan Ahli Dewan Rakyat dari Parlimen Temerloh, Pahang.

## ISTIADAT PEMBUKAAN PENGGAL PERTAMA PARLIMEN KE-14

**K**UALA LUMPUR, 17 JULAI 2018: Menteri Kerja Raya YB Tuan Baru Bian dan Timbalan Menteri Kerja Raya YB Tuan Haji Mohd Anuar Bin Mohd Tahir merupakan antara Ahli Dewan Rakyat yang telah menghadiri Istiadat Pembukaan Penggal Pertama Parlimen Malaysia kali ke-14 oleh Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong XV, Sultan Muhammad V yang telah berlangsung di Bangunan Parlimen, Kuala Lumpur.

Persidangan ini merupakan persidangan pertama selepas Pilihanraya Umum Ke-14 dan akan bersidang selama 20 hari iaitu dari 17 Julai hingga 16 Ogos 2018. Turut dilantik pada persidangan ini ialah Speaker Dewan Rakyat kesembilan iaitu Datuk Mohamad Ariff Md Yusof yang merupakan Bekas Hakim Mahkamah Rayuan.



# SIRI LAWATAN RASMI TIMBALAN MENTERI

## PERJUMPAAN BERSAMA WARGA KERJA RAYA



**K**UALA LUMPUR, 12 JULAI 2018: Menteri Kerja Raya, YB Tuan Baru Bian telah mengadakan sesi perjumpaan merangkap jamuan hari raya bersama Warga Kementerian Kerja Raya dan agensi tahun 2018 bertempat di Dewan Tan Sri Mahfuz Khalid, Kompleks Kerja Raya Kuala Lumpur.

Pada majlis ini, hadirin julung kali berpeluang untuk bertemu dan beramah mesra dengan lebih rapat bersama-sama Menteri dan Timbalan Menteri Kerja Raya. Antara pengisian majlis termasuklah pemberian sumbangan Aidilfitri kepada anak yatim dan ibu- bapa tunggal.

Turut hadir memeriahkan majlis termasuklah Timbalan Menteri Kerja Raya, YB Tuan Haji Mohd Anuar bin Mohd Tahir, Ketua Setiausaha YBhg. Dato' Sri Zohari Bin Haji Akob, Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan) YBhg. Datuk Haji Sarani Bin Dollah, dan pengurusan atasan Kementerian dan agensi.

## LAWATAN RASMI KE IBU PEJABAT JABATAN KERJA RAYA (JKR)

**K**UALA LUMPUR, 12 JULAI 2018: Satu lawatan kerja ke Ibu Pejabat Jabatan Kerja Raya (JKR) telah dilakukan oleh Menteri Kerja Raya, YB Tuan Baru Bian di Menara Kerja Raya, Kuala Lumpur. Ketibaan Menteri disambut oleh Ketua Pengarah Kerja Raya, YBhg. Dato' Seri Ir. Roslan Md Taha dan pegawai- pegawai kanan JKR.

Agenda lawatan Menteri termasuklah sesi taklimat dan perbentangan mengenai organisasi dan fungsi utama Jabatan Kerja Raya disamping sesi taklimat mengenai konsesi penyenggaraan cerun.

Turut hadir termasuklah Timbalan Menteri Kerja Raya YB Tuan Haji Mohd Anuar Mohd Tahir, Ketua Setiausaha Kementerian YBhg. Dato' Sri Zohari Bin Haji Akob, dan Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan) YBhg. Datuk Haji Sarani Bin Dollah.







## LAWATAN RASMI KE LEMBAGA PEMBANGUNAN INDUSTRI PEMBINAAN MALAYSIA (CIDB)

**K**UALA LUMPUR, 5 JULAI 2018: Satu lawatan kerja ke Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (*Construction Industry Development Board, CIDB*) telah dilakukan oleh Menteri Kerja Raya YB Tuan Baru Bian di Menara Sunway Putra, Kuala Lumpur.

Agenda lawatan YB Menteri Kerja Raya termasuklah sesi perbentangan mengenai program- program yang dijalankan serta pencapaian yang telah dikecapi sepanjang penubuhan CIDB sebelum dibawa melawat ke Pusat Permodelan Bangunan Bermaklumat (*Building Information Modeling Centre, BIM Centre*).

Turut serta dalam lawatan termasuklah Timbalan Menteri Kerja Raya, YB Tuan Haji Mohd Anuar Mohd Tahir, Ketua Setiausaha Kementerian, YBhg. Dato' Sri Zohari Bin Haji Akob dan Ketua Eksekutif CIDB Malaysia, YBhg. Dato' Ir. Ahmad 'Asri Abdul Hamid.



## LAWATAN RASMI YB MENTERI KERJA RAYA KE LEMBAGA LEBUHRAYA MALAYSIA (LLM)

**S**ERDANG, 13 JULAI 2018: YB Menteri Kerja Raya Tuan Baru Bian telah mengadakan lawatan rasmi ke Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) di Serdang, Selangor yang merupakan kesinambungan daripada siri lawatan YB Menteri Kerja Raya ke agensi- agensi dibawah kementeriannya.

Ketibaan YB Menteri telah disambut oleh Timbalan Ketua Pengarah (Bisnes) Dato Sr. Aziz bin Abdullah dan pengurusan atasan Lembaga Lebuhraya Malaysia. Agenda lawatan YB Menteri termasuklah sesi tandatangan buku pelawat dan melawat pusat pengurusan trafik LLM sebelum dibawa ke

sesi taklimat ringkas mengenai latarbelakang organisasi dan fungsi utama Lembaga Lebuhraya Malaysia.

Turut hadir dalam lawatan ialah Timbalan Menteri Kerja Raya, YB Tuan Haji Mohd Anuar Mohd Tahir, Ketua Setiausaha Kementerian YBhg. Dato' Sri Zohari Bin Haji Akob, Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan) YBhg. Datuk Haji Sarani Bin Dollah, dan Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar dan Pembangunan) YBhg. Dato' Abdul Razak Bin Jaafar.



# MAJLIS ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG 2017

**K**UALA LUMPUR, 14 OGOS 2018: Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) 2017 Kementerian Kerja Raya yang bertemakan “Pekerja Berdedikasi Misi Direalisasi” berlangsung di Dewan Tan Sri Mahfuz Khalid dan telah disempurnakan oleh Menteri Kerja Raya, YB Tuan Baru Bian.

Seramai 864 orang pegawai dan kakitangan telah menerima Anugerah iaitu 74 orang penerima daripada KKR, 679 orang daripada Jabatan Kerja Raya (JKR), 28 orang daripada Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) dan 83 orang daripada Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB).

Mendahului senarai ialah penerima Pingat Perkhidmatan Cemerlang 2016, Puan Roziawati Binti Razali yang bertugas sebagai Jurutera Awam Kanan (J48) di Cawangan Jalan Jabatan Kerja Raya.

## PERSIDANGAN PEGAWAI KANAN (SOC) JKR MALAYSIA 2018

**K**UALA LUMPUR, 14 OGOS 2018: Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) 2017 Kementerian Kerja Raya yang bertemakan “Pekerja Berdedikasi Misi Direalisasi” berlangsung di Dewan Tan Sri Mahfuz Khalid dan telah disempurnakan oleh Menteri Kerja Raya, YB Tuan Baru Bian.

Seramai 864 orang pegawai dan kakitangan telah menerima Anugerah iaitu 74 orang penerima daripada KKR, 679 orang daripada Jabatan Kerja Raya (JKR), 28 orang daripada Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) dan 83 orang daripada Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB).

Mendahului senarai ialah penerima Pingat Perkhidmatan Cemerlang 2016, Puan Roziawati Binti Razali yang bertugas sebagai Jurutera Awam Kanan (J48) di Cawangan Jalan Jabatan Kerja Raya.





# PENGHARGAAN PENCAPAIAN QLASSIC 2018

**K**UALA LUMPUR, 16 OGOS 2018: telah merasmikan Hari QLASSIC 2018 anjuran CIDB bertujuan untuk mempromosikan penggunaan sistem penilaian kualiti dalam industri tempatan telah dirasmikan Menteri Kerja Raya, YB Baru Bian di Hotel Renaissance, Kuala Lumpur.

Pada Majlis ini sebanyak 25 pemaju, 31 kontraktor, dan 32 arkitek telah menerima Anugerah kerana telah memperolehi lebih 80 markah. Anugerah Khas Bagi Markah QLASSIC Tertinggi Kategori Bangunan Kerajaan iaitu bagi Projek Ibupejabat SPRM (7G1) Precint 7 Putrajaya yang dimenangi Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia dan Putrajaya Holdings Sdn Bhd selaku pemaju, Pembinaan Mitrajaya Sdn Bhd selaku kontraktor dan Arqhitectnia selaku arkitek.

Manakala anugerah tertinggi iaitu “Best of The Best QLASSIC Achievement Award 2018” adalah projek Azalea 2 / Phase NU6B2, Nilai Impian, Negeri Sembilan yang dimenangi Sime Darby Property Berhad selaku pemaju, Idaman Ikhlas Sdn Bhd selaku kontraktor dan Neuformation Architects Sdn Bhd selaku arkitek.

Majlis ini juga telah menyaksikan pemeteraian Memorandum Persefahaman (MoU) antara pihak CIDB dan Bank Pembangunan Malaysia Berhad (BPMB) dimana penilaian melalui sistem QLASSIC akan digunakan sebagai syarat untuk mendapat pinjaman dana dari BPMB.

## LAWATAN TAPAK PROJEK MEMBINA JALAN BAHARU LENCONGAN TIMUR ALOR SETAR, KEDAH (FASA 2A)

**A**LOR SETAR, 7 Julai 2018: Menteri Kerja Raya, YB Tuan Baru Bian dan Timbalan Menteri Kerja Raya, YB Tuan Haji Mohd Anuar Mohd Tahir telah mengadakan lawatan ke tapak projek Membina Jalan Baru Lencongan Timur Dari Persimpangan Alor Mengkudu (K138) Ke Persimpangan Jalan Tun Razak (K8/K368), Alor Setar, Kedah (Fasa 2A).

Projek pembinaan jalan ini merupakan sebahagian daripada projek pembangunan di dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) yang bertujuan menyuraikan aliran trafik serta memberi akses yang lebih lancar untuk bahagian Timur Bandaraya Alor Setar.

Skop projek jalan ini termasuklah menaiktaraf jalanraya sediaada sepanjang dua kilometer(km) dan membina jalan baharu sepanjang enam kilometer selain pembinaan jambatan baharu merentasi Sungai Pendang sepanjang 180 meter dan pembinaan jambatan merentasi parit monsun Jabatan Pengairan Saliran (JPS).



# MENYEMARAKKAN SAMBUTAN BULAN KEMERDEKAAN



## SAMBUTAN BULAN KEMERDEKAAN DAN KIBAR JALUR GEMILANG 2018 PERINGKAT KEMENTERIAN KERJA RAYA

**K**UALA LUMPUR, 16 OGOS 2018: Majlis Sambutan Hari Kebangsaan dan Kibarkan Jalur Gemilang 2018 Peringkat Kementerian Kerja Raya telah dirasmikan oleh Menteri Kerja Raya YB Tuan Baru Bian bertempat di hadapan Lobi Blok A, Kompleks Kerja Raya.

Dalam ucapan beliau mengucapkan syukur kerana dapat bersama-sama menjayakan Sambutan Hari Kebangsaan dan Kibar Jalur Gemilang disamping menyeru kepada warga KKR supaya turut bersama-sama menjayakan sambutan Bulan Kebangsaan untuk menyemai dan seterusnya menyemarakkan semangat kemerdekaan dan cintakan negara.

Program ini merupakan simbolik bermulanya Sambutan Hari Kebangsaan Peringkat Kementerian Kerja Raya dengan tema pada tahun ini iaitu Sayangi Malaysiaku telah dihadiri oleh pegawai dan kakitangan Kementerian Kerja Raya dan Agensi.

Turut memeriahkan majlis Timbalan Menteri Kerja Raya YB Tuan Haji Mohd Anuar Bin Mohd Tahir, Ketua Setiausaha Kementerian Kerja Raya, YBhg. Dato' Sri Zohari Haji Akob, Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan) YBhg. Datuk Haji Sarani Bin Dollah, Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar dan Pembangunan) YBhg. Dato' Abdul Razak Bin Jaafar, dan ketua-ketua bahagian serta agensi.





## EDARAN JALUR GEMILANG OLEH PSKLM

**K**UALA LUMPUR, 30 Ogos 2018: Persatuan Syarikat Konsesi Lebuhraya Malaysia (PSKLM) bersama-sama dengan Kementerian Kerja Raya Malaysia (KKR) dan Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) telah menganjurkan Sambutan Hari Kebangsaan dan Kempen Kibar Jalur Gemilang di Plaza Tol Loke Yew (arah Pandan), Lebuhraya BESRAYA sebentar tadi.

YB Tuan Baru Bian bersama-sama Yang Dipertua PSKLM, Ir. Sazally Saidi dan wakil Lembaga Lebuhraya Malaysia serta ahli-ahli PSKLM telah mengedarkan Jalur Gemilang kepada pengguna lebuhraya dan melepaskan peserta Konvoi Merdeka di plaza tol berkenaan.



## KEMPEN KIBAR JALUR GEMILANG DAN KESELAMATAN JALAN RAYA

**G**OMBAK, 21 OGOS 2018: Timbalan Menteri Kerja Raya YB Tuan Haji Mohd Anuar bin Mohd Tahir telah menyempurnakan Kempen Kibar Jalur Gemilang Dan Keselamatan Jalan Raya anjuran Kelab Kebudayaan Gombak bertempat di Plaza Tol Gombak Lebuhraya KL - Karak, Kuala Lumpur.

Aturcara kempen termasuklah sesi Konvoi Jalur Gemilang Dari Menara MTD, Batu Caves Ke Plaza Tol Gombak dan pemberian Jalur Gemilang serta cenderahati oleh YB Timbalan Menteri kepada pengguna lebuhraya di Plaza Tol Gombak.





## PEMBUKAAN FLYOVER DARIPADA BATU MAUNG KE JALAN SULTAN AZLAN SHAH, PULAU PINANG

**B**ATU MAUNG, 6 JULAI 2018: Majlis Perasmian Pembukaan Jalan Projek P-10 Flyover Daripada Batu Maung Ke Jalan Sultan Azlan Shah, Pulau Pinang telah disempurnakan oleh Menteri Kerja Raya YB Tuan Baru Bian.

Pembukaan jalan ini bertujuan untuk melancarkan perjalanan aliran trafik dan mengurangkan kesesakan dari Jambatan Sultan Azlan Shah ke Lapangan Terbang Bayan Lepas dan sebaliknya.

Skop projek termasuklah pelebaran jalan sepanjang 1.25 kilometer, Elevated Structure sepanjang 650 meter, sebuah jejantas pejalan kaki, dua buah pondok bas dan kerja- kerja berkaitan penambahbaikan jalan.



## LAWATAN KERJA YB MENTERI KERJA RAYA KE HOSPITAL LAWAS

**L**AWAS, 27 JULAI 2018: Menteri Kerja Raya YB Tuan Baru Bian telah melakukan lawatan kerja ke Hospital Lawas, Sarawak serta meninjau keadaan tapak projek pembangunan naiktaraf hospital tersebut.

Pembinaan Hospital Lawas terbahagi kepada tiga fasa dan akan menempatkan 76 buah katil yang mengandungi wad pesakit lelaki, perempuan dan kanak- kanak, Wad pergantungan tinggi (*High Dependency Ward, HWD*) ruang pejabat pentadbiran, unit hemodialisis, bilik bersalin, bilik pembedahan, bilik mayat, bank darah, jabatan patologi dan bilik X-ray.







## LAWATAN KERJA TAPAK CADANGAN MENAIK TARAF **JALAN KEBUN, SHAH ALAM**

**S**HAH ALAM, 1 OGOS 2018: Menteri Kerja Raya YB Tuan Baru Bian turun padang meninjau tapak cadangan menaik taraf Jalan Kebun disamping mengambil perhatian mengenai sebarang permasalahan berkaitan pembangunan infrastruktur setempat.

Menteri Kerja Raya telah disambut oleh Pengarah JKR Selangor Datuk Ir. Ruslan bin Abd Aziz yang kemudiannya diberi taklimat sebelum dibawa melawat tapak. Turut hadir Timbalan Menteri Kerja Raya, YB Tuan Haji Mohd Anuar bin Mohd Tahir, Ketua Eksekutif CIDB, YBhg. Dato' Ir. Ahmad 'Asri Abdul Hamid serta Timbalan Ketua Pengarah Sektor Infra JKR, YBhg. Dato' Dr. Meor Abdul Aziz Hj. Osman.



## KUNJUNGAN MENTERI KERJA RAYA KE JKR SARAWAK

**K**UCHING, 9 JULAI 2018: Menteri Kerja Raya, YB Tuan Baru Bian telah membuat lawatan rasmi pertama ke Jabatan Kerja Raya (JKR) Negeri Sarawak di Wisma Saberkas, Kuching.

Ketibaan YB Menteri disambut oleh Pengarah JKR Sarawak, Datu Ir. Zuraimi Bin Hj. Sabki dan pengurusan atasan JKR Sarawak sebelum dibawa mendengar taklimat mengenai fungsi dan tugas JKR Sarawak serta status projek-projek yang sedang dilaksanakan khususnya di Negeri Sarawak.





## SEMINAR SICA 2018 FOKUS DATA RAYA (BIG DATA) INDUSTRI PEMBINAAN

**K**UALA LUMPUR, 14 OGOS 2018: *Seminar Statistics, Indices in Construction and Automation (SICA 2018)* tahun keempat anjuran CIDB telah menghimpun lebih 250 peserta industri pembinaan untuk berkongsi maklumat berkenaan Data Raya (Big Data) yang berkaitan dalam industri pembinaan.

Bertemakan “*Building A Big Data Community For Construction In Malaysia*”, Data Raya (Big Data) boleh didefinisikan sebagai satu ledakan informasi yang seiring dengan pertumbuhan ekosistem penggunaan mobile dan data internet.

Antara perbincangan yang dijalankan adalah manfaat Data Raya (*Big Data*) dalam sektor industri, mengenalpasti trend pembinaan dengan data analisis serta perbincangan isu dan penyelesaian berkaitan dengan Data Raya (*Big Data*). Timbalan Menteri Kerja Raya YB Tuan Haji Mohd Anuar bin Mohd Tahir telah hadir membacakan teks Ucapan Perasmian Menteri Kerja Raya.



## SEMINAR ON ROAD ASSET MANAGEMENT AND DISASTER RISK REDUCTION

**K**UALA LUMPUR, 28 OGOS 2018: *Seminar On Road Asset Management And Disaster Risk Reduction* anjuran bersama Kementerian Kerja Raya Malaysia (KKR) dan Kementerian Tanah, Infrastruktur, Pengangkutan dan Perlancongan Jepun (MLIT) telah berlangsung di Pusat Pameran dan Konvensyen MATRADE Kuala Lumpur dan telah disempurnakan perasmianya oleh Timbalan Menteri Kerja Raya YB Tuan Haji Mohd Anuar bin Mohd Tahir.

Seminar ini bertujuan menyediakan platform peserta berkongsi maklumat dan pendedahan terhadap teknologi terkini Jepun serta meningkatkan kerjasama dalam bidang kejuruteraan, sains dan teknologi dalam menyenggara termasuk untuk mengurangkan sebarang risiko bencana di Malaysia.

Seramai 30 orang peserta dari Jepun dan 170 orang peserta dari Malaysia telah menyertai seminar yang berlangsung pada 28- 29 Ogos 2018 serta merupakan seminar kali kedua anjuran bersama KKR dan MLIT sejak tahun 2016.







## MAJLIS AMANAT KONTINJEN ASC 2018

**S**HAH ALAM, 17 OGOS 2018: Timbalan Menteri Kerja Raya YB Tuan Haji Mohd Anuar Bin Mohd Tahir mengiringi Timbalan Menteri Sumber Manusia YB Dato' Haji Mahfoz Omar menyampaikan amanat kepada Kontinjen Negara ke Asean Skills Competition 2018 (ASC 2018) di Pusat Kemahiran Pengajar & Kemahiran Lanjutan (*The Centre for Instructor and Advanced Skill Training, CIAST*) Shah Alam.

ASC 2018 akan berlangsung dari 26 Ogos hingga 5 September 2018 di Bangkok Thailand dan dalam pertandingan ini, Malaysia menghantar 131 orang delegasi rasmi diketuai oleh Ketua Pengarah Pembangunan Kemahiran, Ts Nizam bin Kamarulzaman merangkumi 24 bidang yang disertai dari 25 bidang yang dipertandingkan.

## TIMBALAN MENTERI KERJA RAYA MELAWAT PESERTA ASC 2018 DAN WSMB

**J**OHOR BAHRU, 19 OGOS 2018: Timbalan Menteri Kerja Raya YB Tuan Haji Mohd Anuar bin Mohd Tahir melawat Pusat Kecemerlangan (*Centre of Excellence*) di TWI-ABM, Akademi Binaan Malaysia (ABM) Wilayah Selatan dan diperkenalkan kepada peserta-peserta yang mewakili Malaysia ke *Asean Skills Competition 2018* (ASC 2018) yang akan berlangsung di MPACT Arena, Muang Thong Thani, Bangkok, Thailand dari 26 Ogos hingga 5 September 2018 serta peserta Pertandingan WorldSkills Malaysia Belia (WSMB).

Kementerian Kerja Raya (KKR) menghantar wakil seramai 46 orang yang diketuai oleh Setiausaha Bahagian, Bahagian Dasar dan Antarabangsa KKR En. Azman bin Ibrahim dan akan bertanding dalam tujuh bahagian iaitu *Welding, Bricklaying, Wall & Floor Tiling, Refrigeration & Air Conditioning, Mechanical Engineering Design – CAD, Electrical Installations, dan Joinery*.





## TINJAUAN PROJEK NAIKTARAF FT05 SEKINCHAN

**S**EKINCHAN, 20 OGOS 2018: Satu lawatan kerja telah dilakukan oleh Timbalan Menteri Kerja Raya YB Tuan Haji Mohd Anuar bin Mohd Tahir ke Sekinchan bagi meninjau Plan Pengurusan Trafik (TMP) Projek Menaiktaraf Jalan Persekutuan 5 (FT05) Dari Tanjong Karang Ke Sabak Bernam, Selangor.

Timbalan Menteri Kerja Raya juga diberi taklimat status semasa projek menaiktaraf jalan ini disamping turut meluangkan masa menziarahi keluarga mangsa kemalangan yang berlaku berhampiran lokasi tapak projek. Turut hadir Ketua Pengarah Kerja Raya, Dato' Seri Ir. Roslan Bin Md.Taha dan Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar & Pembangunan) Dato' Abdul Razak Bin Jaafar.



## LAWATAN KERJA TIMBALAN MENTERI KERJA RAYA KE TERENGGANU

**K**UALA TERENGGANU, 19 JULAI 2018: Timbalan Menteri Kerja Raya, YB Tuan Haji Mohd Anuar bin Mohd Tahir melawat Jabatan Kerja Raya (JKR) Negeri Terengganu dan disambut oleh Pengarah Kerja Raya Negeri Terengganu Ir. Haji Che Kamaruddin bin Bahar dan pengurusan atasan JKR Terengganu.

Lawatan Timbalan Menteri diteruskan dengan lawatan ke tapak pembinaan Projek Kuala Terengganu Bypass di Kuala Terengganu. Projek ini bertujuan mengurangkan kesesakan trafik disamping mempercepatkan perjalanan ulang-alik dari utara ke selatan Terengganu. Turut Hadir dalam lawatan Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar dan Pembangunan) YBhg. Dato' Abdul Razak Bin Jaafar.





## LAWATAN KERJA TIMBALAN MENTERI KERJA RAYA KE TEMERLOH

**T**EMERLOH, PAHANG, 20 JULAI 2018: Siri lawatan Timbalan Menteri Kerja Raya YB Tuan Haji Mohd Anuar bin Mohd Tahir ke Temerloh dimulakan dengan lawatan ke Jabatan Kerja Raya (JKR) Daerah Temerloh di Temerloh, Pahang.

Seterusnya, YB Timbalan Menteri dibawa melawat lokasi cadangan kepada Projek Menaiktaraf Jambatan Sultan Haji Ahmad Shah daripada dua lorong kepada empat lorong di Jalan Persekutuan FT02 yang menghubungkan Karak ke Maran, Pahang. Pembinaan jambatan ini merupakan rancangan pembangunan dibawah Rancangan Malaysia Ke- 11.


Timbalan Menteri turut melawat tapak Projek Menggantikan Jambatan Sedia Ada di Jalan Persekutuan FT098 yang merentasi Sungai Semantan bertujuan menampung penambahan jumlah kenderaan. Projek ini telah bermula pada Oktober 2016 dan dijangka siap pada awal tahun 2019.



## LAWATAN KERJA TIMBALAN MENTERI KERJA RAYA KE PERLIS

**K**ANGAR, 3 OGOS 2018: Timbalan Menteri Kerja Raya YB Tuan Haji Mohd Anuar Bin Mohd Tahir telah melakukan lawatan kerja ke Pejabat Jabatan Kerja Raya (JKR) Negeri Perlis di Kangar dan disambut oleh Pengarah Kerja Raya Negeri Perlis Ir. Rahmat Bin Hj. Abd. Rahman serta pengurusan atasan negeri dan persekutuan.

Timbalan Menteri Kerja Raya kemudian dibawa meninjau perkembangan semasa Projek Kompleks Pentadbiran Negeri Perlis yang masih dalam pembinaan yang turut disertai Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis, YB Dato' Dr. Syed Omar Sharifuddin Syed Ikhsan.



**MAY 2018 SUMMARY**

Tweets **81**  
 Tweets Impressions **231K**  
 Profile Visits **3,333**  
 Mentions **1,211**  
 New Followers **387**



**JUN 2018 SUMMARY**

Tweets **44**  
 Tweets Impressions **169K**  
 Profile Visits **2,637**  
 Mentions **830**  
 New Followers **394**



**JUL 2018 SUMMARY**

Tweets **158**  
 Tweets Impressions **510K**  
 Profile Visits **10.7K**  
 Mentions **1,220**  
 New Followers **474**



**AUG 2018 SUMMARY**

Tweets **177**  
 Tweets Impressions **468K**  
 Profile Visits **5,977**  
 Mentions **1,374**  
 New Followers **334**





# SIDANG REDAKSI

KEMENTERIAN KERJA RAYA

## **Penaung**

YBhg. Dato' Sri Zohari Haji Akob  
Ketua Setiausaha KKR

## **Penasihat**

YBhg. Datuk Sarani Bin Dollah  
Timbalan Ketua Setiausaha  
Pengurusan KKR

## **Ketua Pengarang**

Pn Noreha Mohd Ripin  
Ketua Komunikasi Korporat

## **Pengarang**

Hadi A. Kassim  
Fauzi Baharudin  
Nur Saila Kamaruddin Nor Zaman  
Nurfarahain Rozaman  
Nasharudin Zainal

## **Jurufoto**

Mohd Faisal Bin Sahbudin  
Hidayatul Sa'adiyah Binti Saad  
Jurufoto Unit Komunikasi Korporat KKR  
Jurufoto Unit Perpustakaan &  
Sumber Jabatan Kerja Raya

## **Urusetia**

Unit Komunikasi Korporat  
Kementerian Kerja Raya



pro@kk.gov.my



www.kkr.gov.my



KKR\_MALAYSIA



03 8000 8000



Kementerian Kerja Raya



@MOWorks



Kementerian Kerja Raya Malaysia



9 781565 924796